

3755/2  
Perdagangan  
Kertas 2  
Ogos  
2010  
2 jam



**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

---

---

**PERDAGANGAN**

Kertas 2

Dua jam

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab tiga soalan daripada Bahagian A dan satu soalan wajib di Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

---

*Disediakan oleh:*  
**AKRAM NEGERI TERENGGANU**

*Dibiayai oleh:*  
**KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

**TERENGGANU ANJUNG ILMU**

*Dicetak oleh:*  
*Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.*  
*Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063*


---

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak

**Bahagian A**

Jawab mana-mana tiga soalan dalam bahagian ini


1. a) Sesuatu keluaran mempunyai nilai faedah jika memberi kepuasan kepada pengguna. Terangkan dengan contoh dua jenis nilai faedah dalam pengeluaran. (6 markah)
- b) i) Kilang Sedap Sokmo Enterprise di Marang menghasilkan keropok ikan berjenama Ranggup untuk pasaran di Marang dan Dungun. Pekerjaanya terdiri daripada nelayan, pekerja pengeluaran dan penyelia kilang. Tangkapan ikan segar setiap hari digred dan diproses di kilangnya. Terangkan dengan contoh pengkhususan yang terlibat dalam situasi di atas. (8 markah)
- ii) Huraikan kelebihan mengamalkan pengkhususan dalam pengeluaran oleh Kilang Sedap Sokmo Enterprise. (5 markah)
- c) Terangkan bagaimanakah pengangkutan dan promosi membantu Puan Maznah, seorang pengusaha air nira berjenama Kelapa dalam menjalankan perniagaannya? (6 markah)
2. a) Gambar 1 menunjukkan sejenis barangan yang perlu diedarkan kepada pengguna.



Gambar 1

- i) Apakah jenis saluran agihan yang paling sesuai diamalkan oleh pengeluar barangan di atas? (1 markah)
- ii) Terangkan tiga faktor yang perlu dipertimbangkan dalam pemilihan saluran agihan. (6 markah)

b) Carta di bawah berkaitan peruncit kecil-kecilan.



i) Namakan jenis peruncit yang bertanda P, Q dan R.

(3 markah)

ii) Terangkan maksud peruncit berkedai dan peruncit tanpa kedai.

(4 markah)

c) Pernyataan di bawah merujuk kepada bentuk-bentuk peruncitan lain.

- Menawarkan barangan dengan cara mengiklan dalam katalog dan mengedarkannya ke rumah pelanggan secara percuma.
- Sesuai untuk barangan berjenama dan bernilai tinggi seperti barangan elektrik, perabot atau peralatan dapur.
- Contoh perniagaan ini ialah Courts Mammoth, Seng Heng.

Nyatakan kelebihan perniagaan tersebut kepada :

i) Peniaga

(4 markah)

ii) Pembeli

(2 markah)

d) Pernyataan berikut berkaitan dokumen perniagaan antarabangsa.

Dokumen ini dikeluarkan oleh syarikat perkapalan sebagai perakuan penerimaan barang ke dalam kapal dan sebagai kontrak pengangkutan barang ke destinasi pelabuhan yang ditetapkan.


i) Nyatakan dokumen berkaitan pernyataan di atas.

(1 markah)

ii) Selain fungsi yang dinyatakan dalam pernyataan di atas, terangkan fungsi-fungsi lain bagi dokumen di d (i)

(4 markah)

- 3 a) Modal merupakan masalah utama yang dihadapi oleh pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kerana pihak institusi kewangan sukar untuk meluluskan pinjaman kepada pengusaha ini.  
Mengapakah keadaan ini berlaku? *(4 markah)*
- b) Jelaskan **tiga** perkara penting yang perlu dititikberatkan dalam pengurusan sumber manusia supaya produktiviti sesuatu syarikat dapat ditingkatkan. *(6 markah)*
- c) i) Apakah yang dimaksudkan dengan perkongsian? *(3 markah)*  
ii) Jelaskan jenis-jenis rakan kongsi yang terlibat dalam perkongsian? *(6 markah)*
- d) “Penswastaan merupakan satu proses pemindahan kuasa kawalan, kepentingan dan pelaburan kerajaan kepada sektor swasta”  
Terangkan kesan daripada dasar tersebut. *(6 markah)*
4. a) Bagaimanakah pemfaktoran boleh membantu seseorang pemborong membiayai perniagaannya. *(5 markah)*
- b) Jelaskan faktor-faktor yang diambil kira dalam menentukan kadar premium insurans kebakaran *(8 markah)*



Gambar 2

- c) Gambar 2 menunjukkan satu kaedah pengangkutan yang digunakan dalam perniagaan. Huraikan **empat** kebaikan kaedah pengangkutan di atas kepada peniaga. *(7 markah)*
- d) Huraikan **lima** tugas Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). *(5 markah)*

- 5 a) Kenalpasti perkhidmatan komunikasi yang sesuai digunakan dan berikan dua alasan bagi setiap perkhidmatan yang dipilih.
- i) Sebuah syarikat kewangan ingin menghantar peringatan kepada pelanggannya yang gagal menjelaskan ansuran kereta selama dua bulan. *(3 markah)*
  - ii) Sebuah firma perlu menghantar beratus-ratus pucuk surat setiap hari. *(3 markah)*
- b) Terangkan kepentingan gudang berbon kepada peniaga dan kerajaan. *(7 markah)*
- c) i) Bezakan antara pujukan rasional dengan pujukan emosi. *(4 markah)*
- ii) Terangkan empat faktor yang perlu dipertimbangkan apabila memilih media pengiklanan. *(8 markah)*

## Bahagian B

Bahagian ini mengandungi satu soalan yang wajib dijawab

Pak Zuki merupakan seorang peniaga ayam pusing yang terkenal di Bandaraya Kuala Terengganu. Beliau telah menjalankan perniagaannya selama 15 tahun. Ayam pusing Pak Zuki sering mendapat permintaan tinggi di sekitar Kuala Terengganu khususnya tempahan khas sempena majlis hari jadi dan majlis perasmian sesuatu acara rasmi. Pak Zuki terpaksa menolak sebahagian tempahan daripada pelanggannya kerana tidak dapat memenuhi keseluruhan permintaan.

Sifat Pak Zuki yang peramah dan mudah tersenyum amat menarik hati pelanggannya. Pak Zuki dibantu oleh 7 orang pekerja yang berpengalaman dan berdedikasi. Pak Zuki juga mendapat bekalan ayamnya daripada seorang pembekal ayam di Pasar Borong Kuala Terengganu.

Hasil keuntungan daripada perniagaannya selama 15 tahun itu, Pak Zuki telah membeli sebidang tanah bernilai RM 250 000. Tanah tersebut kemudiannya disewakan kepada seorang peniaga dengan sewa tahunan RM 5 000 selama 6 tahun. Tanah tersebut kemudiannya dijual kepada seorang usahawan dengan harga RM 400 000.

Pak Zuki menghadapi masalah pelanggan yang semakin merosot akibat daripada perubahan citarasa pelanggan yang beralih kepada restoran makanan segera berasaskan ayam yang semakin banyak terdapat di sekitar Bandaraya Kuala Terengganu.

Pak Zuki merupakan seorang majikan yang bertanggungjawab. Beliau telah menemui seorang pegawai pemasaran di Syarikat Takaful 1Malaysia Berhad untuk mendapatkan maklumat tentang insurans konvensional dan takaful.

Dalam usaha untuk menghadapi persaingan yang semakin meningkat, Pak Zuki telah memohon pembiayaan daripada institusi kewangan bagi membuka sebuah restoran yang berasaskan jualan ayam pusing. Tetapi permohonannya telah ditolak kerana ketiadaan cagaran dan rekod perakaunan yang tidak lengkap. Keadaan ini menyebabkan Pak Zuki mengambil keputusan untuk menggunakan kad kredit miliknya bagi mendapatkan wang pendahuluan dengan segera sebanyak RM 10,000 bagi urusan pendaftaran restoran barunya.

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

6. a) i) Apakah jenis pelaburan yang dilakukan oleh En. Zuki? *(1 markah)*  
ii) Kirakan pendapatan semasa dan keuntungan modal yang diperolehi oleh Pak Zuki? *(4 markah)*
- b) i) Pada pendapat anda, adakah Syarikat Insurans akan menawarkan polisi perubahan citarasa kepada Pak Zuki? *(1 markah)*  
ii) Berikan empat alasan bagi menyokong pendapat anda? *(4 markah)*
- c) Pak Zuki merupakan seorang majikan yang bertanggungjawab. Beliau telah menemui seorang pegawai pemasaran di Syarikat Takaful 1 Malaysia Berhad untuk mendapatkan maklumat tentang insurans konvensional dan takaful.  
Apakah perbezaan di antara insurans konvensional dengan takaful? *(6 markah)*
- d) Sebelum meluluskan pinjaman, pihak bank akan meminta pemohon mengemukakan cagaran. Jelaskan maksud cagaran dalam pinjaman dan mengapakah ia diperlukan? *(4 markah)*
- e) Huraikan tiga kelebihan penggunaan kad kredit kepada Pak Zuki *(5 markah)*

**KERTAS SOALAN TAMAT**

3755/2  
Perdagangan  
Kertas 2  
Ogos  
2010  
2 jam



**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

---

---

**PERDAGANGAN**

Kertas 2

Dua jam

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab tiga soalan daripada Bahagian A dan satu soalan wajib di Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

---

*Disediakan oleh:*  
**AKRAM NEGERI TERENGGANU**

*Dibiayai oleh:*  
**KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

**TERENGGANU ANJUNG ILMU**

*Dicetak oleh:*  
*Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.*  
*Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063*

---


Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak



**Bahagian A**

Jawab mana-mana tiga soalan dalam bahagian ini


1. a) Sesuatu keluaran mempunyai nilai faedah jika memberi kepuasan kepada pengguna. Terangkan dengan contoh dua jenis nilai faedah dalam pengeluaran. (6 markah)
- b) i) Kilang Sedap Sokmo Enterprise di Marang menghasilkan keropok ikan berjenama Ranggup untuk pasaran di Marang dan Dungun. Pkerjanya terdiri daripada nelayan, pekerja pengeluaran dan penyelia kilang. Tangkapan ikan segar setiap hari digred dan diproses di kilangnya. Terangkan dengan contoh pengkhususan yang terlibat dalam situasi di atas. (8 markah)
- ii) Huraikan kelebihan mengamalkan pengkhususan dalam pengeluaran oleh Kilang Sedap Sokmo Enterprise. (5 markah)
- c) Terangkan bagaimanakah pengangkutan dan promosi membantu Puan Maznah, seorang pengusaha air nira berjenama Kelapa dalam menjalankan perniagaannya? (6 markah)
2. a) Gambar 1 menunjukkan sejenis barangan yang perlu diedarkan kepada pengguna.



Gambar 1

- i) Apakah jenis saluran agihan yang paling sesuai diamalkan oleh pengeluar barangan di atas? (1 markah)
- ii) Terangkan tiga faktor yang perlu dipertimbangkan dalam pemilihan saluran agihan. (6 markah)

b) Carta di bawah berkaitan peruncit kecil-kecilan.



- i) Namakan jenis peruncit yang bertanda P, Q dan R. (3 markah)
- ii) Terangkan maksud peruncit berkedai dan peruncit tanpa kedai. (4 markah)

c) Pernyataan di bawah merujuk kepada bentuk-bentuk peruncitan lain.

- Menawarkan barangan dengan cara mengiklan dalam katalog dan mengedarkannya ke rumah pelanggan secara percuma.
- Sesuai untuk barangan berjenama dan bernilai tinggi seperti barangan elektrik, perabot atau peralatan dapur.
- Contoh perniagaan ini ialah Courts Mammoth, Seng Heng.

Nyatakan kelebihan perniagaan tersebut kepada :


- i) Peniaga (4 markah)
- ii) Pembeli (2 markah)

d) Pernyataan berikut berkaitan dokumen perniagaan antarabangsa.

Dokumen ini dikeluarkan oleh syarikat perkapalan sebagai perakuan penerimaan barang ke dalam kapal dan sebagai kontrak pengangkutan barang ke destinasi pelabuhan yang ditetapkan.

- i) Nyatakan dokumen berkaitan pernyataan di atas. (1 markah)
- ii) Selain fungsi yang dinyatakan dalam pernyataan di atas, terangkan fungsi-fungsi lain bagi dokumen di d (i) (4 markah)

- 3 a) Modal merupakan masalah utama yang dihadapi oleh pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kerana pihak institusi kewangan sukar untuk meluluskan pinjaman kepada pengusaha ini.  
Mengapakah keadaan ini berlaku? *(4 markah)*
- b) Jelaskan tiga perkara penting yang perlu dititikberatkan dalam pengurusan sumber manusia supaya produktiviti sesuatu syarikat dapat ditingkatkan. *(6 markah)*
- c) i) Apakah yang dimaksudkan dengan perkongsian? *(3 markah)*  
ii) Jelaskan jenis-jenis rakan kongsi yang terlibat dalam perkongsian? *(6 markah)*
- d) “Penswastaan merupakan satu proses pemindahan kuasa kawalan, kepentingan dan pelaburan kerajaan kepada sektor swasta”  
Terangkan kesan daripada dasar tersebut. *(6 markah)*
4. a) Bagaimanakah pemfaktoran boleh membantu seseorang pemborong membiayai perniagaannya. *(5 markah)*
- b) Jelaskan faktor-faktor yang diambil kira dalam menentukan kadar premium insurans kebakaran *(8 markah)*



Gambar 2

- c) Gambar 2 menunjukkan satu kaedah pengangkutan yang digunakan dalam perniagaan. Huraikan empat kebaikan kaedah pengangkutan di atas kepada peniaga. *(7 markah)*
- d) Huraikan lima tugas Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). *(5 markah)*

- 5 a) Kenalpasti perkhidmatan komunikasi yang sesuai digunakan dan berikan dua alasan bagi setiap perkhidmatan yang dipilih.
- i) Sebuah syarikat kewangan ingin menghantar peringatan kepada pelanggannya yang gagal menjelaskan ansuran kereta selama dua bulan. (3 markah)
  - ii) Sebuah firma perlu menghantar beratus-ratus pucuk surat setiap hari. (3 markah)
- b) Terangkan kepentingan gudang berbon kepada peniaga dan kerajaan. (7 markah)
- c) i) Bezakan antara pujukan rasional dengan pujukan emosi. (4 markah)
- ii) Terangkan empat faktor yang perlu dipertimbangkan apabila memilih media pengiklanan. (8 markah)

## Bahagian B

Bahagian ini mengandungi satu soalan yang wajib dijawab

Pak Zuki merupakan seorang peniaga ayam pusing yang terkenal di Bandaraya Kuala Terengganu. Beliau telah menjalankan perniagaannya selama 15 tahun. Ayam pusing Pak Zuki sering mendapat permintaan tinggi di sekitar Kuala Terengganu khususnya tempahan khas sempena majlis hari jadi dan majlis perasmian sesuatu acara rasmi. Pak Zuki terpaksa menolak sebahagian tempahan daripada pelanggannya kerana tidak dapat memenuhi keseluruhan permintaan.

Sifat Pak Zuki yang peramah dan mudah tersenyum amat menarik hati pelanggannya. Pak Zuki dibantu oleh 7 orang pekerja yang berpengalaman dan berdedikasi. Pak Zuki juga mendapat bekalan ayamnya daripada seorang pembekal ayam di Pasar Borong Kuala Terengganu.

Hasil keuntungan daripada perniagaannya selama 15 tahun itu, Pak Zuki telah membeli sebidang tanah bernilai RM 250 000. Tanah tersebut kemudiannya disewakan kepada seorang peniaga dengan sewa tahunan RM 5 000 selama 6 tahun. Tanah tersebut kemudiannya dijual kepada seorang usahawan dengan harga RM 400 000.

Pak Zuki menghadapi masalah pelanggan yang semakin merosot akibat daripada perubahan citarasa pelanggan yang beralih kepada restoran makanan segera berasaskan ayam yang semakin banyak terdapat di sekitar Bandaraya Kuala Terengganu.

Pak Zuki merupakan seorang majikan yang bertanggungjawab. Beliau telah menemui seorang pegawai pemasaran di Syarikat Takaful Malaysia Berhad untuk mendapatkan maklumat tentang insurans konvensional dan takaful.

Dalam usaha untuk menghadapi persaingan yang semakin meningkat, Pak Zuki telah memohon pembiayaan daripada institusi kewangan bagi membuka sebuah restoran yang berasaskan jualan ayam pusing. Tetapi permohonannya telah ditolak kerana ketiadaan cagaran dan rekod perakaunan yang tidak lengkap. Keadaan ini menyebabkan Pak Zuki mengambil keputusan untuk menggunakan kad kredit miliknya bagi mendapatkan wang pendahuluan dengan segera sebanyak RM 10,000 bagi urusan pendaftaran restoran barunya.

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

6. a) i) Apakah jenis pelaburan yang dilakukan oleh En. Zuki? (1 markah)  
ii) Kirakan pendapatan semasa dan keuntungan modal yang diperolehi oleh Pak Zuki? (4 markah)
- b) i) Pada pendapat anda, adakah Syarikat Insurans akan menawarkan polisi perubahan citarasa kepada Pak Zuki? (1 markah)  
ii) Berikan empat alasan bagi menyokong pendapat anda? (4 markah)
- c) Pak Zuki merupakan seorang majikan yang bertanggungjawab. Beliau telah menemui seorang pegawai pemasaran di Syarikat Takaful 1Malaysia Berhad untuk mendapatkan maklumat tentang insurans konvensional dan takaful.  
Apakah perbezaan di antara insurans konvensional dengan takaful? (6 markah)
- d) Sebelum meluluskan pinjaman, pihak bank akan meminta pemohon mengemukakan cagaran.  
Jelaskan maksud cagaran dalam pinjaman dan mengapakah ia diperlukan? (4 markah)
- e) Huraikan tiga kelebihan penggunaan kad kredit kepada Pak Zuki (5 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**